


Ajal setiap 30 saat akibat hepatitis

Setiap individu dilarang kongsi peralatan, lakukan ujian saringan, elak nyawa terancam




Bagi sesetengah orang sanggup berkongsi sesuatu barang atau peralatan dengan individu lain meskipun ada berpandangan 'sharing is caring', namun ada kalanya ia bukanlah amalan baik.

Apakah perasaan anda jika diberitahu tidak semua perkara boleh dikongsi dan sesetengahnya boleh membawa kepada hidup atau mati terutama berkaitan dengan kesihatan.

Ini kerana ada penyakit yang boleh dijangkiti menerusi tindakan berkongsi barangan seperti perkakas, makanan dan jarum.

Sesetengah penyakit yang merebak melalui perkongsian ini boleh berkisar daripada demam ringan kepada penyakit yang mampu mengancam nyawa seperti hepatitis.



Hati normal

Sirosis hati

Hepatitis, penghidap HIV dan pesakit menjalani dialisis, semua mereka itu perlu melakukan saringan sama.

Dengan satu kes kematian setiap 30 saat di seluruh dunia daripada penyakit yang berkaitan dengan hepatitis, sewajarnya masyarakat mengambil

Hepatitis A, Hepatitis B dan C menyebabkan jangkitan kronik dan jangka panjang serta berpotensi membawa kepada sirosis (parut pada hati) dan kanser hati," katanya.

Perspektif Hepatitis B dan C

Dr Rosmawati berkata, perkongsian barangan boleh mendedahkan risiko kesihatan dan meminimumkan pendedahan pada hepatitis.

"Ada kalanya berkongsi sesuatu bukan satu perkara yang baik. Memandangkan Hepatitis B dan C menyebabkan sebahagian besar kematian berkaitan hati," katanya.

Oleh itu, penting me-

dan kanser hati," katanya.

Buang stigma malu, jalani rawatan awal

Beliau berkata, walaupun Hepatitis A dan B boleh dicegah melalui vaksinasi, namun ujian saringan Hepatitis C cara terbaik untuk memastikan diagnosis dan rawatan awal mengatasinya.

"Jika anda menghidapi Hepatitis C, rawatan awal boleh memberikan perbezaan ketara antara pemulihan dan perkembangan penyakit hati ke peringkat lebih kronik termasuk sirosis dan kanser hati.

"Dengan mendapatkan rawatan anda berpotensi sembuh daripada penyakit itu dalam tempoh



Elakkan kongsi peralatan

Pakar Perubatan Dalaman Hospital Pakar KPJ Kluang, Johor, Dr Yap Wan Teng, berkata seseorang boleh dijangkiti Hepatitis B atau C apabila terdedah secara langsung dengan darah daripada individu dijangkiti menerusi luka seperti perkongsian jarum dan peralatan suntikan lain.

Katanya, mereka berkongsi peralatan kebersihan diri seperti pisau cukur, berus gigi, anting-anting dan lain-lain yang boleh menyebabkan luka.

“Aktiviti bertatu dan bertindik juga antara salah satu punca bagaimana virus Hepatitis B dan C ini boleh disebarkan, selain penularan secara hubungan seksual. Begitu juga bayi boleh dijangkiti virus ini melalui ibu yang dijangkiti Hepatitis B atau C ketika proses kelahiran,” katanya.

Justeru, golongan itu digalakkan menjalani saringan Hepatitis B dan C termasuk yang mempunyai hubungan seksual dengan penghidap Hepatitis B atau C kronik, berbilang pasangan seksual, homoseksual dan perkongsian jarum suntikan seperti penagih dadah.

Selain itu, wanita mengandung, yang kerap menerima darah seperti pesakit talasemia yang memerlukan pemindahan darah setiap bulan dan bayi dilahirkan ibu dijangkiti Hepatitis B atau



Dr Yap Wan Teng

perhatian dan tidak perlu tunggu-tunggu lagi untuk membuat pemeriksaan lanjut.

“Ini penting dalam usaha mempercepatkan perjuangan menentang virus hepatitis dan kepentingan ujian dan rawatan untuk mereka yang memerlukannya,” katanya.

Apakah itu hepatitis?

Menurut Pengasas Pengerusi Bersama dan Ahli Jawatankuasa

Penasihat Strategik dan Teknikal Hepatitis Viral Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Prof Dr Rosmawati Mohamed hepatitis bermakna keradangan hati.

Katanya, hati adalah organ kedua terbesar dalam tubuh dan mempunyai pelbagai fungsi penting badan seperti memproses nutrien, membersihkan darah dan melawan jangkitan.

“Sekiranya hati kita rosak atau mengalami keradangan ia akan menjejaskan fungsi tubuh. Hepatitis boleh berpunca daripada pelbagai faktor termasuk pengambilan ubat-ubatan, toksin dan alkohol yang berlebihan.”

“Punca biasa penyakit hepatitis ialah jangkitan virus hepatitis. Ada banyak jenis hepatitis viral yang berlainan termasuk Hepatitis A, B, C, D dan E.

“Ini seterusnya membawa kepada simptom, rawatan dan pengurusan penyakit yang berlainan. Tidak seperti

Sesetengah penyakit yang merebak melalui perkongsian ini boleh berkisar daripada demam ringan kepada penyakit yang mampu mengancam nyawa seperti hepatitis. (Foto hiasan)

mengambil langkah sesuai mengurangkan beban penyakit berkaitan hepatitis viral.

Dengan teknologi sedia ada dalam mempercepatkan saringan, diagnosis penyakit, ketersediaan rawatan yang efektif dan pada kadar berpatutan ia tidak mustahil untuk mencegah, merawat serta menyembuhkan hepatitis.

Justeru, dapatkan ujian saringan kerana ia bukan sahaja demi manfaat anda, tetapi juga insan tersayang.

Dr Rosmawati menambah, di bawah Pelan Perlindungan Bersepadu (NSP), Malaysia komited ke arah menghapuskan hepatitis viral menjelang tahun 2030 dengan ujian saringan penyakit itu kini lebih mudah.

“Jika anda menghidapi hepatitis, pengesanan awal, diagnosis dan rawatan boleh membantu anda untuk mencegah kesan jangka panjang sirosis

Hepatitis boleh berpunca daripada pelbagai faktor termasuk pengambilan ubat-ubatan, toksin dan alkohol yang berlebihan”

Dr Rosmawati Mohamed

stigma dan rasa malu berkenaan hepatitis.

“Masyarakat mewujudkan stigma bagi pesakit hepatitis, menyebabkan mereka terasa terasing. Menerusi maklumat dan pendidikan, orang ramai berupaya memahami dijangkiti hepatitis tidak bermakna seseorang itu jahat atau tidak layak diubati,” katanya.

tiga hingga enam bulan selepas menerima rawatan bersesuaian.

“Sesetengah pesakit mengakui malu selepas didiagnosis menghidapi penyakit itu. Stigma ini menyebabkan pesakit enggan membuat saringan atau rawatan selepas dijangkiti.

“Kurang kesedaran dan maklumat salah berkenaan hepatitis menyebabkan sesetengah pihak percaya penyakit itu berpunca oleh gaya hidup berisiko,” katanya.

Dr Rosmawati meminta orang ramai mengatasi

